



18 JUL, 2025

Ramai mula tukar buah tempatan kerana SST

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Ramai mula tukar buah tempatan kerana SST

REMBAU – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjangkakan permintaan buah-buahan tempatan akan meningkat susulan pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap buah-buahan import.

Ketua Pengaruhnya, Abdul Rashid Bahri berkata, trend semasa menunjukkan perubahan ke arah sokongan kepada produk tempatan dapat dilihat termasuk apabila pihak penyedia makanan mula menggantikan buah import dengan buah tempatan.

Menurutnya, buah-buahan tempatan seperti pisang dan nenas kini menjadi pilihan utama pihak penyedia makanan bagi majlis-majlis rasmi kerajaan, menggantikan buah

import seperti epal, oren dan anggur.

“FAMA menerima banyak pertanyaan dan permintaan bekalan buah-buahan tempatan daripada pengajur program kerajaan dan swasta. Kami juga mengambil langkah proaktif memperluaskan kemen penenggalakan rakyat memilih buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan.

“Sebelum ini sudah dijalankan, namun kali ini pendekatannya lebih meluas termasuk di sekolah, program Agro Madani, Hari Peladang dan FAMA Fest peringkat kebangsaan yang dijadualkan pada Selasa depan,” katanya kepada pemberita sempena Majlis Perasmian Outlet Kopiesatu di Petron Pedas, di sini semalam.



BUAH tempatan menjadi hidangan sampingan di majlis-majlis bagi menggantikan buah import yang kena SST. – GAMBAR HIASAN



18 JUL, 2025

Ramai mula tukar buah tempatan kerana SST

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

REMBAU - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjangkakan permintaan buah-buahan tempatan akan meningkat susulan pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap buah-buahan import. Ketua Pengarahnya, Abdul Rashid Bahri berkata, trend semasa menunjukkan perubahan ke arah sokongan kepada produk tempatan dapat dilihat termasuk apabila pihak penyedia makanan mula menggantikan buah import dengan buah tempatan.